



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 250/78

**PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (PREMIS YANG DITETAPKAN) (GETAH ASLI MENTAH)
1978**

Mengandungi pindaan terkini - P.U. (A) 337/78

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

31 Ogos 1978

Tarikh mula berkuatkuasa :

1 April 1979

SUSUNAN PERINTAH

[Mukadimah.](#)

Perintah 1. [Nama dan mula berkuatkuasa.](#)

Perintah 2. [Premis yang ditetapkan.](#)

[SENARAI PINDAAN](#)

Mukadimah.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 18 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat perintah yang berikut:

Perintah 1. Nama dan mula berkuatkuasa.

Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb April 1979.

Perintah 2. Premis yang ditetapkan.

Premis yang berikut ini adalah ditetapkan menjadi premis yang pendudukan atau penggunaannya oleh seseorang adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta itu melainkan jika orang itu adalah pemegang suatu lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan premis itu:

Semua premis yang diduduki atau digunakan bagi pengeluaran atau memproses-

(a) getah asli mentah dalam bentuk yang ditetapkan secara teknik, dalam bentuk susu getah termasuk yang belum divulkan atau bentuk getah yang diubahsuaikan dan getah maksud khas; dan

(b) keping lazim, skim, kerip atau apa-apa bentuk lain getah mentah yang belum diperihalkan, dengan kuantiti sebanyak 5 tan atau lebih sehari atau dengan kemampuan pengeluaran atau memproses yang sama kuantitinya.

[Gan. P.U. (A) 337/78]

Diperbuat pada 21hb Ogos 1978.

[KST & AS. Sulit 4315; AS. 1005; PN. (PU²) 280.]

TAN SRI ONG KEE HUI,
*Menteri Sains, Teknologi dan
Alam Sekitar*

SENARAI PINDAAN

*Undang-undang
yang meminda*

Tajuk ringkas

*Berkuat kuasa
dari*

[P.U. \(A\) 337/78](#)

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang
Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) (Pindaan)
1978

31-11-1978

Copyrights Reserved

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY
LAWNET
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD